



**SURAT PEKELILING BENDAHARI
BILANGAN 6 TAHUN 2021**

**TATACARA PEMBELIAN TERUS MELALUI
PLATFORM E-DAGANG (E-COMMERCE)
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

Pejabat Bendahari

08 Julai 2021

Disalinkan kepada :

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Ketua PTJ/Dekan/Pengarah

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

No. Rujukan : UMK.B03.00.100-1/3/3 JLD 2 (8)

08 Julai 2021

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 6 TAHUN 2021

TATACARA PEMBELIAN TERUS MELALUI PLATFORM E-DAGANG (E-COMMERCE) UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada staf Universiti Malaysia Kelantan berkenaan Tatacara Pembelian Terus Melalui Platform E-Dagang (*E-Commerce*), Universiti Malaysia Kelantan.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Tatacara Pembelian Terus Melalui Platform E-Dagang (*E-Commerce*) ini telah dibentangkan dan diperakukan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil. 2 Tahun 2021 yang telah bersidang pada 28 Mei 2021 dan telah diluluskan di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 3 Tahun 2021 pada 14 Jun 2021.
- 2.2 Pembelian melalui platform e-dagang merupakan satu kaedah pembelian yang paling digemari pada masa kini. Secara umumnya, e-dagang boleh ditakrifkan sebagai satu sistem yang membolehkan penjualan dan pembelian barangan atau perkhidmatan oleh penjual dan pengguna di internet. Di antara laman web e-dagang yang terkenal dan mendapat sambutan di Malaysia adalah Lazada, *Shopee*, Mudah.com, Lelong.com.my, eBay.com.my dan sebagainya.
- 2.3 Sehubungan itu, Tatacara Pembelian Terus Melalui Platform E-Dagang (*E-Commerce*) ini disediakan sebagai panduan kepada staf Universiti dalam menguruskan kaedah perolehan secara pembelian terus melalui platform e-dagang (*e-commerce*) yang mana merupakan tambahan kepada kaedah pembelian terus di bawah kawalan Pusat Tanggungjawab (PTJ) dengan had nilai tidak melebihi RM20,000.00.

2.4 Had nilai pembelian terus melalui platform e-dagang (*e-commerce*) yang ditetapkan adalah tidak melebihi RM10,000.00 yang mana menggunakan kaedah mendahulukan wang sendiri.

3. TATACARA PEMBELIAN TERUS MELALUI PLATFORM E-DAGANG (*E-COMMERCE*)

3.1 Tatacara Pembelian Terus Melalui Platform E-Dagang (*E-Commerce*), Universiti Malaysia Kelantan adalah sebagaimana di **Lampiran A**.

4. PEMAKAIAN

4.1 Surat Pekeliling Bendahari ini adalah berkuat kuasa dari tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT”

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



MOHD YUSRI BIN AWANG

Timbalan Bendahari Kanan

Menjalankan Tugas Bendahari

b.p: Naib Canselor